



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	5/1/2013

Pembikinan filem *Kanang Anak Langkau* Februari ini

UM - 5/1/2013

KUCHING 4 Jan. - Kementerian Pertahanan akan memastikan proses pembikinan filem yang mengisahkan perjuangan Pahlawan Negara, Datuk Temenggong Kanang Anak Langkau bermula Februari ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, filem yang berjudul *Kanang Anak Langkau* itu dijangka mengambil masa tiga hingga empat bulan untuk disiapkan.

Katanya, pihaknya akan mendapatkan khidmat daripada penggiat seni tempatan bagi menghasilkan filem tersebut dengan kos pembiayaannya ditanggung sepenuhnya oleh kementerian.

"Filem ini merupakan hasrat mendiang yang pernah disuarakan kepada saya sebelum ini, malah beliau turut memberitahu mahu terlibat secara langsung dalam proses pembikinan filem itu.

"Mendiang telah menunjukkan kepada saya skrip awal filem tersebut, namun perlu diteliti dan diolah semula berikutan pemergiannya semalam," katanya kepada pemberita selepas memberikan penghormatan kepada mendiang di Hospital Umum Sarawak (HUS) di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid berkata, pihaknya akan menyerahkan kepada syarikat penerbitan yang bertanggungjawab untuk memilih barisan pelakon yang bakal memegang watak dalam filem tersebut.

Katanya, filem tersebut dapat disiapkan untuk ditayangkan pada 16 September depan sempena Hari Malaysia dan Hari Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Sementara itu, beliau yang mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak turut memberitahu, pihaknya akan menyampaikan beberapa sumbangan kepada balu mendiang, Datin Brawang Chunggot melalui Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

Pahlawan Negara, Pegawai Waran 1 (B) Datuk Temenggong Kanang Anak Langkau, 68, meninggal dunia pada pukul 1.45 pagi semalam dipercayai akibat serangan jantung.

Kanang yang bersara daripada ATM dengan pangkat terakhir sebagai Pegawai Waran 1 merupakan penerima tunggal dua pingat keberanian utama negara iaitu Seri Pahlawan Gagah Perkasa (SP) dan Panglima Gagah Berani (PGB) pada 1981.



AHMAD Zahid Hamidi (tengah) dan balu mendiang Datuk Temenggong Kanang Langkau, Datin Brawang Chunggot meletakkan Jalur Gemilang di atas keranda pahlawan negara itu di rumah mayat Hospital Umum Sarawak, semalam. - BERNAMA